

Our website will not be available on 26 January from 8.30pm to 10.30pm due to system maintenance. We apologise for any inconvenience caused.

 Search Newspapers

 I am looking for


Home > Berita Harian > 13 July 1963 > Page 7 > Lagi drama Melayu di-pentaskan melalui Talivisen

Lagi drama Melayu di-pentaskan melalui Talivisen

Berita Harian, 13 July 1963, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL3203

[★ Add to Citation](#)

[Previous Article](#)

[Next Article](#)

[Previous Page](#)

[Next Page](#)

Lagi drama Melayu di-pentaskan melalui Talivisen

DRAMA sa-babak dari Indonesia 'Malam Jahanam' telah di-siarkan melalui siaran TV Singapura pada malam Ithnin lalu. Pada keseluruhan-nya persembahan itu telah berjaya dan telah mendapat perhatian besar dari peminat2-nya di-sini.

Kerana itu sa-kalong bunga (maseh saya fikirkan jenis bunga-nya) ingin saya kalongkan kapada penerbit-nya: Inche Zain Mahmud, yang telah mengusahakan persembahan itu bagitu rupa dan berjaya.

Dengan siaran itu, sudah dua kali-lah Inche Zain menyiarkan drama melalui TV, yang belum pernah diusahakan oleh bahagian2 lain dalam ranchangan TV itu. Drama pertama-nya berjudul "Awal dan Mira" juga dari Indonesia.

Sa-benar-nya bukan-lah maksud saya untok mengatakkan bahawa penulis2 drama Melayu di-sini tidak mampu menghasilkan pena-nya sama saperti kebaik-an kedua2 drama tadi.

Apa yang saya nampak drama2 itu di-siarkan di-TV ia-lah kerana mempunyai nilai2 drama-nya yang baik drama2 Melayu hasil

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
13 July 1963

Reel Number:
NL3203

Share [Email](#) [Print](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [Link](#)

Table of Contents

[Previous](#)

[Page 7](#)

[Next](#)

Dari sa=orang penganggor jadi seniman berwatak

Dari sa=orang penganggor jadi seniman berwatak I SINGAPURA, Juma at. WASIL iaktman yang realistik

S.itu Pemandangan dari filem "tckett" y'nf scdang diusahakan Mkarang ini di-SH«pp«rtoa, Middlesex, England. Cambar menwnjokkan temmjn Peter O Toole yang memegang peranan s.i-bagai King Henry 11, dan seniwati Peranckis, Veronique Vendell, sedang

[View Full Table of Contents](#)

penulis2-nya di-tanah ayer kita ini, yang pernah di-pentaskan masa2 lalu.

Apa-kah drama2 Melayu tidak mempunyai nilai drama sama seperti drama2 "Awal dan Mira" atau "Malam Jahanan?"

Memang kalau di-tinjau lebeh mendalam dapat saya simpulkan bahawa sa-takat ini drama2 Melayu belum ada yang berchorak demikian dari segi cherita-nya dan soal2 yang di-kupas-nya.

Kalau ada puj yang berchorak sa-babak, tetapi nilai dan isi-nya begitu rendah dan belum boleh di-ketengahkan di-TV untuk santapan peminat2-nya..

Soal2 yang di-dedahkan dalam drama2 sa-babak Melayu itu hanya-lah soal2 remeh, perkara2 'mentah dan tidak kongkerit pula pengupasan-nya.

Kerana itu-lah Inche Zain merasa penting mengemukakan drama2 sa-babak Indonesia itu, yang di-harapkan akan menjadi contoh supaya penulis drama Melayu dapat mencontohi-nya kalau ingin di-ketengahkan-nya melalui TV itu.

Apa-kah dengan usaha itu memperendahkan taraf dan kebolehan penulis2 drama Melayu di-sini? Saya rasa hal itu tidak timbul. Kalau ada juga yang hendak mengangap-nya demikian, saya rasa hal itu tidak bijak dan tidak wajar.

Meninjau persembahan 'Malam Jahanan' itu, dapat saya katakan bahawa antara persembahan-nya di-TV dengan pementasan-nya di-Panggung Victoria sedikit masa lalu, saya rasa pementasan-nya lebeh berjaya.

Hal ini kerana loghat dan penuturan dallog-nya telah di-ubah — di-sasuaikan dengan penuturan-nya di-sini. Sedangkan hal itu menjadi 'tunjang' dan nadi dari drama itu. Itu-lah sebab-nya pementasan-nya lebeh berjaya dari persembahan-nya di-TV itu.

Mengenai para pelakon-nya saya dapati pelakon Fatimah Yassin telah banyak melahirkan suara sedu sedan-nya, sehingga dengan itu 'membunuh' dan menenggelamkan dalilog pelakon2 lain sa-waktu2.

Pada hemat saya memadailah Fatimah memperlihatkan mimik muka-nya yang sedeh dan sayu, sa-bagai isteri 'Mat Kontan' yang bersikap serba salah 'kerana sudah di-ketahui kedurjana-an-nya.

Pelakon Salim Bachik juga telah berjaya menghidupkan drama itu.

Tetapi sayang-nya ketika ia marah2 suara pekekan-nya bagitu lantang dan kuat.

Hal itu membingungkan penonton2-nya. Kerana dengan kelantangan suara itu dalilog-nya tidak jelas. Tidak dapat di-tangkap maksud-nya.

Osman Zailani pula nampak-nya banyak menggunakan bahasa pasaran-nya yang saya rasa hal itu tidak terdapat dalam scrip-nya. Entahkan hal itu di-tambah-nya sendiri atau soal bahasa tidak di-titekberatkan oleh penerbit-nya saya pun kurang pereksa.

Bagitu pun beliau telah menghidupkan cherita itu dengan lakonan-nya sa-bagai sa-orang suami yang gemarkan merbot sa-penoh hati, hingga lupa ia pada isteri-nya. Akibat itu isteri-nya telah menchari 'jalan sulit' yang salah untok kepuasan dan kesenangan hati-nya hingga melahirkan anak haram.

Kedua2 pelakon pembantu-nya 'si tukang pichit' dan 'si Utai sa-tengah gila' telah juga dapat membantu kejayaan drama itu dengan lakonan2 mereka yang sederhana dan baik.

Ini baharu kali ka-dua drama yang pernah di-pentaskan oleh Sriwana, telah di-usahakan oleh Inche Zain untok di-siarkan melalui siaran TV. Ini merupakan sa-bagai perchobaan-nya sahaja yang sudah tentu pula berlainan dengan persembahan-nya di-pentas.

Dalam perchobaan itu sudah tentu pula terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan saperiti yang saya terangkan tadi. Hal itu tentu pula dapat di-atasi dalam usaha-nya yang lain masa depan, kerana dari perchobaan itu telah banyak pehak penerbit, pengarah dan pelakon-nya merasai asam garam pengalaman baharu.

Pehak pengarah-nya, Inche Bani Buang, sa-kurang-nya telah dapat membezakan antara persembahan drama di-TV dan di-

pentas dengan ka-dua2 drama tadi.

Ini sudah chukop untuk menjadi jaminan tentang kejayaan2 yang lebeh besar dalam arah-nya masa depan, khususnya untuk mengetengahkan drama-nya di-TV yang di-tonton oleh peminat2-nya dari pelbagai bangsa dan perengkat.—Peminat TV.

SINGAPURA, Juma'at



Related Articles



No related article found.



National Library Board
Singapore

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#) [Browser Compatibility](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019